

## Bintang, pingat harga i sumbangan pengakap

Seramai 234 ahli Pengakap Cemerlang Johor menerima Anugerah Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Negeri Johor, di sini, kelmarin.

Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Negeri Johor Yaacob A Karim berkata, pemberian bintang kepada 25 penerima dan 209 yang lain menerima pingat bertujuan menghargai dan mengiktiraf sumbangan mereka kepada masyarakat.

“PPM Negeri Johor memenangi johan keseluruhan di Anugerah Malam Apresiasi PPM 2016, baru-baru ini dengan menggondol 13 daripada 24 anugerah yang dipertandingkan.

“Dengan kejayaan itu, PPM Negeri Johor menyampaikan penghargaan dalam bentuk bintang dan pingat sebagai



*SERAMAI 234 ahli pengakap menerima Anugerah Bintang dan Pingat PPM Negeri Johor di ADTEC, kelmarin.*

pengiktirafan kepada komitmen, pengorbanan dan jasa serta sumbangan warga pengakap berkenaan,” katanya.

Turut hadir, Ahli Majlis Pengakap Malaysia Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin yang turut menyampaikan anugerah

kepada semua penerima terbabit.

Yaacob berkata, penganjuran majlis anugerah berkenaan adalah komitmen PPM bagi menzahirkan kesepakatan dan kerjasama padu di antara semua ahli pengakap.

“Majlis penganugerahan ini juga impak daripada kesungguhan dan kegigihan pemimpin PPM dalam merealisasikan matlamat untuk melahirkan warganegara yang berguna pada agama, bangsa dan negara,” katanya.